# PERISYTIHARAN JUALAN

**DALAM PERKARA PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK, SELANGOR DARUL EHSAN**
**PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN**
**DALAM PERKARA SEKSYEN 257 DAN 263 KANUN TANAH NEGARA 1965.**
**PTDG.15/26/2022 (42)**

**DI ANTARA**

**LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** ... **PEMEGANG GADAIAN**

**DAN**

**HALIPAH BINTI MOHAMED (NO. K/P: 561101-06-5648)** ... **PENGGADAI**

Menurut perintah **Pentadbir Tanah Daerah Gombak** yang diperbuat pada 21/9/2023 adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Daerah Gombak Negeri Selangor dengan dibantu oleh Pelelong yang tersebut di bawah ini:-

AKAN MENJUAL DENGAN

# LELONGAN AWAM

**PADA 26HB OKTOBER 2023 BERSAMAAN HARI KHAMIS,**
**JAM 10.00 PAGI,**
**DI BILIK MESYUARAT BUKIT LAGONG, TINGKAT 2, UNIT PENDAFTARAN 2,**
**PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK,**
**BANGUNAN SULTAN SULAIMAN, PERSIARAN PEGAWAI,**
**BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES,**
**SELANGOR DARUL EHSAN.**

**NOTA : Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat carian hakmilik secara rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa harta tersebut sebelum jualan lelong.**

**BUTIR-BUTIR HAKMILIK :**

| | | |
|---|---|---|
| No. Hakmilik | : | GM 6570 (dahulu dikenali sebagai HSM 3787) |
| No. Lot | : | Lot 115 Seksyen 18 (dahulu dikenali sebagai PT 5619) |
| Tempat | : | Batu 18 1/4 Jalan Rawang |
| Bandar/Daerah/Negeri | : | Rawang/Gombak/Selangor Darul Ehsan. |
| Pegangan | : | Selama-lamanya |
| Keluasan Tanah | : | 385.00 meter persegi (lebih kurang 4,144.10 kaki persegi) |
| Cukai Tahunan | : | RM126.00 |
| Pemilik Berdaftar | : | **HALIPAH BINTI MOHAMED (1/1 Bahagian)** |
| Kategori Kegunaan Tanah | : | Bangunan |
| Syarat-Syarat Nyata | : | Bangunan Kediaman. |
| Sekatan Kepentingan | : | Tiada |
| Bebanan | : | Digadaikan kepada to MINISTER OF FINANCE (INCORPORATED) MALAYSIA |
| melalui | | No. Perserahan 2247/2007 didaftarkan pada 8hb Mei 2007. |

**LOKASI DAN KETERANGAN HARTANAH :**

Hartanah tersebut merupakan sebuah rumah banglo dua tingkat yang telah diluaskan dan diubahsuai yang beralamat di **No. 171, Lorong Hijau 4, Taman Hijau, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.**

**HARGA RIZAB**

Hartanah tersebut akan dijual dalam "keadaan seperti mana sedia ada" tertakluk kepada satu harga rizab sebanyak **RM800,000.00 (RINGGIT MALAYSIA LAPAN RATUS RIBU SAHAJA)** dan tertakluk kepada Syarat-syarat Jualan yang dicetak di Perisytiharan Jualan. Setiap penawar yang ingin membuat tawaran adalah dikehendaki mendepositkan **10%** daripada harga rizab dalam bentuk bank deraf di atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** sebelum jam 9.30 pagi kepada Pejabat Tanah pada hari lelongan awam dan baki wang belian hendaklah dibayar dalam tempoh **satu ratus dua puluh (120) hari** dari tarikh jualan kepada **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM.**

Untuk butir-butir selanjutnya, sila berhubung dengan **Pentadbir Tanah Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan,** Tel: 03-61261500 / Faks: 03-61361073 atau Peguamcara **TETUAN AZHAR & WONG,** di 16-08, Level 16, Menara Centara, 360 Jalan Tunku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur. (Ruj: RL/LPPSA-LIT/12565-980) dan Tel: 03-26023898 atau Bina Usaha Auction (H/P: 014-9968578).

# PROCLAMATION OF SALE

**IN THE MATTER OF PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK, SELANGOR DARUL EHSAN**
**ORDER FOR SALE AT THE INSTANCE OF THE CHARGEE**
**IN THE MATTER OF SECTION 257 AND 263 OF THE NATIONAL LAND CODE 1965.**
**PTDG.15/26/2022 (42)**

**BETWEEN**

**LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** ... **CHARGEE**

**AND**

**HALIPAH BINTI MOHAMED (NRIC NO.: 561101-06-5648)** ... **CHARGOR**

In pursuance of the Order of the **Pentadbir Tanah Daerah Gombak** made herein dated on 21/9/2023 it is hereby Proclaimed that the Pentadbir Tanah Daerah Gombak Negeri Selangor with the assistance of the under-mentioned Auctioneer:-

WILL SELL BY

# PUBLIC AUCTION

**ON THURSDAY, THE 26TH DAY OF OCTOBER, 2023**
**AT 10.00 A.M.,**
**AT BILIK MESYUARAT BUKIT LAGONG, TINGKAT 2, UNIT PENDAFTARAN 2,**
**PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK,**
**BANGUNAN SULTAN SULAIMAN, PERSIARAN PEGAWAI,**
**BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES,**
**SELANGOR DARUL EHSAN.**

**NOTE: Prospective bidders are advised to conduct an official title search at the Land Office and to inspect the subject property prior to the auction sale.**

**PARTICULARS OF THE TITLE :**

| | | |
|---|---|---|
| Title No. | : | GM 6570 (formerly known as HSM 3787) |
| Lot No. | : | Lot 115 Section 18 (formerly known as PT 5619) |
| Locality | : | Batu 18 1/4 Jalan Rawang |
| Town/District/State | : | Rawang/Gombak/Selangor Darul Ehsan. |
| Tenure | : | Freehold |
| Land Area | : | 385.00 square metres (approx. 4,144.10 square feet) |
| Annual Rent | : | RM126.00 |
| Registered Owner(s) | : | **HALIPAH BINTI MOHAMED (1/1 Share)** |
| Category of Land Use | : | "Bangunan" |
| Express Condition | : | "Bangunan Kediaman." |
| Restriction-in-interest | : | Nil |
| Encumbrances | : | Charged to MINISTER OF FINANCE (INCORPORATED) MALAYSIA vide Presentation No. 2247/2007 registered on 8th May 2007. |

**LOCATION AND DESCRIPTION OF THE PROPERTY :**

The subject property is an extended and renovated double storey bungalow house bearing postal address as **No. 171, Lorong Hijau 4, Taman Hijau, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.**

**RESERVE PRICE**

The property will be sold on "as is where is" basis subject to a reserve price of **RM800,000.00 (RINGGIT MALAYSIA EIGHT HUNDRED THOUSAND ONLY)** and subject to the Conditions of Sale as printed in Proclamation of Sale. All intending bidders are required to deposit with the Land Office a sum equivalent to **10%** of the reserve price before 9.30 am by **Bank Draft** in favour of **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** prior to the auction sale and the balance to be settled in full within **one hundred twenty (120) days** from the date of the sale to the **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM.**

For further particulars, please refer to the **Pentadbir Tanah Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan**, Tel: 03-61261500 / Fax: 03-61361073 or to the Solicitors **MESSRS. AZHAR & WONG**, at 16-08, Level 16, Menara Centara, 360 Jalan Tunku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur. (Ref: RL/LPPSA-LIT/12565-980) and Tel: 03-26023898 or Bina Usaha Auction (H/P: 014-9968578).

# KONTRAK

MEMORANDUM : Dalam jualan secara Lelongan Awam pada hari **Khamis, 26hb Oktober, 2023** mengenai hartanah **GM 6570 (dahulu dikenali sebagai HSM 3787), Lot 115 Seksyen 18 (dahulu dikenali sebagai PT 5619), Bandar Rawang, Daerah Gombak, Negeri Selangor Darul Ehsan** beralamat di **No. 171, Lorong Hijau 4, Taman Hijau, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan,** maka dengan ini diisytiharkan bahawa :

**Nama :** ____________________________________________

**No K/P :** ____________________________________________

**Alamat :** ____________________________________________

____________________________________________

____________________________________________

**No Tel :** ____________________________________________

adalah penawar tertinggi dan diisytiharkan sebagai Pembeli Hartanah tersebut dengan harga sejumlah **RM**____________________ dan telah membayar kepada Pemegang Gadaian, **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** sebanyak RM____________________ sebagai deposit dan bersetuju untuk membayar baki harga pembelian dan menyempurnakan pembelian tersebut mengikut syarat-syarat jualan dan Pihak Pemegang Gadaian mengaku menerima wang deposit tersebut.

____________________

**PEMBELI / EJEN BERKUASA**

| | |
|---|---|
| **HARGA BELIAN** | **RM** ____________________ |
| **DEPOSIT** | **RM** ____________________ |
| **BAKI** | **RM** ____________________ |

| ____________________ | ____________________ | ____________________ |
|---|---|---|
| PENTADBIR TANAH GOMBAK | PEGUAM/PEMEGANG GADAIAN | PELELONG BERLESEN |

# SYARAT SYARAT JUALAN

1. i. Lelongan awam ke atas hartanah ini adalah terbuka kepada semua Warganegara Malaysia termasuk orang perseorangan, badan berkanun dan syarikat yang layak mengikut Seksyen 43 KTN serta Pemegang Gadaian tetapi tidak termasuk Penggadai. Penawar yang membuat tawaran hendaklah mengikut Seksyen 253(3) KTN.

   ii. Seseorang yang Bukan Warganegara atau syarikat asing tidaklah berhak untuk membuat tawaran pada jualan ke atas tanah yang tertakluk kepada kategori 'Pertanian' atau 'Bangunan' tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (Seksyen 433B(4)KTN).

   iii. Seseorang yang telah diisytiharkan muflis tidak dibenarkan bertindak sebagai ejen @ wakil. Jika didapati ejen @ wakil yang dilantik adalah seorang muflis, deposit 10% akan dilucut hak serta dirampas dan hendaklah terpakai oleh pemegang gadaian dan hartanah tersebut akan dilelong semula.

2. Semua penawar adalah dikehendaki mendaftar serta menyediakan deposit satu jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan dalam bentuk Draf Bank atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** pada hari lelongan kepada **Pentadbir Tanah Gombak.** (Seksyen 263(2)(e)KTN)

3. Ejen atau wakil bagi pihak orang perseorangan, badan berkanun atau syarikat dikehendaki mengemukakan surat perlantikan kepada **Pentadbir Tanah Gombak** semasa mendaftar.

4. Jika pembeli itu bertindak sebagai ejen bagi seorang pembeli lain, dia hendaklah menzahirkan nama prinsipalnya dan jika gagal berbuat demikian, memorandum Kontrak Jualan Lelongan Awam hendaklah disediakan atas namanya sendiri.

5. Syarikat dikehendaki menyertakan "Memorandum & Article of Association", Borang 24, Borang 49 Resolusi Lembaga Pengarah dan Borang 11 (Bagi pemilikan bumiputra).

6. Orang perseorangan dikehendaki mengemukakan kad pengenalan 'My Kad' asal & Salinan & surat beranak bagi hakmilik Rezab Melayu.

7. Sebarang tawaran tidak boleh kurang daripada harga rizab yang ditetapkan oleh **Pentadbir Tanah Gombak** seperti dalam Perintah Jualan Lelongan Awam Borang 16H Seksyen 263 KTN dan tidak boleh ditarik balik (Seksyen 263(2)(d)KTN).

8. Tertakluk kepada Para 9, penawar yang tertinggi, akan diisytiharkan sebagai pembeli dengan syarat bahawa tawarannya adalah sama atau lebih tinggi daripada harga rizab.

9. Jika didapati mana-mana penawar hilang kelayakan kerana bercanggah dengan mana-mana syarat jualan ini maka **Pentadbir Tanah Gombak** pada bila masa mempunyai kuasa untuk menolak tawaran tersebut yang telah dibuat semasa lelongan diadakan. Jika ada apa-apa pertikaian yang timbul mengenai penawar yang tertinggi, maka **Pentadbir Tanah Gombak** akan memutuskan pertikaian tersebut atau hartanah dilelong semula. (Seksyen 265(2)KTN).

10. **Pentadbir Tanah Gombak** berhak menarik balik atau menangguhkan sebarang penjualan pada bila-bila masa sebelum jatuhnya penukul. (Seksyen 264(3)KTN).

11. Selepas sahaja penukul dijatuhkan, nama dan alamat pembeli hendaklah diumumkan oleh orang yang menjalankan jualan itu dengan suara yang dapat didengari.

12. Selepas penukul dijatuhkan, wang deposit sebanyak 10% daripada harga rizab seperti Para 2 di atas akan dimasukkan ke dalam akaun penggadai dan seterusnya pembeli menandatangani Memorandum Kontrak Jualan Lelongan Awam di bawah syarat-syarat Jualan ini. Jika pembeli gagal berbuat demikian, hartanah itu hendaklah dilelong semula dan wang depositnya akan dilucuthak dan dirampas dan akan menjadi sebahagian daripada pembayaran daripada hutang sebenar yang tertunggak kepada pemegang gadaian setelah ditolak segala kos perbelanjaan lelongan dan hartanah tersebut akan dilelong semula.

13. Baki harga belian hendaklah diselesaikan oleh pembeli dalam masa tidak lebih daripada **"SATU RATUS DUA PULUH (120) hari"** daripada tarikh jualan kepada Pemegang Gadaian dan hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan. (Seksyen 263(g)KTN).

14. Di mana seorang pembeli gagal untuk menyelesaikan baki harga belian dalam masa yang telah ditetapkan di bawah Perintah Untuk Jualan di bawah Seksyen 263 KTN, deposit tersebut akan dilucuthak dan hendaklah terpakai mengikut Seksyen 267(A)KTN oleh pemegang gadaian seperti berikut:
    i. Pertamanya bagi pembayaran seluruh wang yang telah genap masa yang dinyatakan di bawah Seksyen 268 (1) (a) (b) dan ;
    ii. Keduanya bagi pembayaran baki, jika ada, yang dipegang milik di bawah akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang telah genap masa kepada pemegang gadaian mengikut susunan keutamaannya. Seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 268 subseksyen (1) perenggan (c) (d) (e).

15. Pemegang gadaian hendaklah memberitahu **Pentadbir Tanah Gombak** dan **Penggadai** bagi semua pembayaran yang telah genap masa pada atau selepas tarikh jualan lelongan melalui Borang 16Q (Seksyen 266A KTN).

16. Pemegang gadaian hendaklah apabila menerima jumlah keseluruhan wang belian daripada jualan ini dengan segera mengakui secara bertulis kepada **Pentadbir Tanah Gombak** tidak lewat daripada **Tiga Puluh (30) hari** setelah penerimaan keseluruhan wang belian. (Seksyen 268A(3)KTN).

17. Pemegang gadaian hendaklah menyerahkan suatu pernyataan akaun untuk pembayaran yang diterima dan telah dibayar kepada **Pentadbir Tanah Gombak** tidak lewat daripada Tiga Puluh (30) hari setelah penerimaan keseluruhan wang belian. (Seksyen 268A(3)KTN).

18. Hartanah ini adalah dipercayai dan hendaklah dianggap sebagai diperihalkan dengan betul dan dijual tertakluk kepada semua ismen, kaveat, tenansi, tanggungan dan hak (jika ada) yang wujud di atas atau terhadapnya tanpa apa-apa tanggungan yang timbul untuk mentakrifnya dan tiada kesilapan, pernyataan khilaf atau perihal khilaf boleh membatalkan jualan ini dan tiada bayaran gantirugi dibenarkan mengenainya.

19. Wang belian yang diperolehi dalam apa-apa jualan hendaklah digunakan seperti berikut (Seksyen 268KTN) :

i. Bayaran cukai tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri dan juga segala perbelanjaan lain yang merupakan kemudahan dan utiliti asas yang disediakan oleh agensi-agensi Pihak Berkuasa Negeri yang merangkumi tarif bekalan elektrik (TNB), tarif bekalan air (AIR Selangor), tarif penyelanggaraan sistem kumbahan (IWK); cukai taksiran kepada Pihak Berkuasa Tempatan; kadar komisyen 2 % dari jumlah wang jualan kepada pelelong dan segala bil pelelong yang disahkan oleh **Pentadbir Tanah Gombak**; dan tunggakan akaun penyenggaraan Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) sekiranya hartanah ini adalah hakmilik strata.

ii. Untuk membayar kepada pemegang gadaian jumlah penuh yang terhutang di bawah gadaian pada masa jualan itu dijalankan, untuk menjamin pembayaran satu anuiti atau jumlah berkala yang lain dan membayar gadaian-gadaian yang lain, jika ada.

iii. Baki, jika ada, dari wang belian hendaklah dibayar kepada penggadai.

20. **Pentadbir Tanah Gombak** tidak bertanggungjawab mengenai apa-apa kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran atau lain-lain bencana.

21. Pembeli hendaklah mengaku identiti hartanah yang dibeli olehnya seperti yang terkandung dalam dokumen munimen yang diberi oleh Pemegang Gadaian sebagai Suratan Hakmilik hartanah tersebut atas bukti yang diberi dengan membandingkan antara deskripsi butir-butir dan dokumen munimen masing-masing.

22. Pemegang gadaian tidak akan bertanggungjawab untuk menyerahkan milikan kosong harta berkenaan kepada pembeli.

23. Jika Pemegang Gadaian bercadang untuk memohon pembatalan atau penangguhan Perintah Jualan (Borang 16H) melalui lelongan awam maka satu permohonan melalui Borang 16O KTN hendaklah dikemukakan kepada **Pentadbir Tanah Gombak selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum tarikh lelongan awam iaitu pada 18.10.2023** berserta dengan bayaran sebanyak RM 3,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ribu Sahaja). Borang 16O yang diserahkan **kurang dari Tujuh (7) hari** sebelum tarikh lelongan hendaklah **diTOLAK.** (Seksyen 264A KTN).

24. Di mana satu perakuan jumlah (Sijil Jualan Borang 16I) telah diberi kepada seorang pembeli berkenaan dengan mana-mana tanah yang digadai atau dipajak, mana-mana kehendak untuk memperolehi kebenaran Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan sekatan kepentingan ke atas tanah atau pajakan tersebut hendaklah tidak digunapakai. (Seksyen 301 KTN).

25. Jika berlaku apa-apa percanggahan dalam syarat-syarat ini dengan peruntukan dalam Bahagian Enam Belas – Bab 3 – Remedi Pemegang Gadaian : Jualan. Peruntukan-peruntukan dalam Kanun Tanah Negara 1965 hendaklah mengatasi syarat-syarat ini.

# 拍賣通告

事關承押人要求下之諭令 PTDG.15/26/2022 (42)

承押人: **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM**

抵押人: **遺產管理員 HALIPAH BINTI MOHAMED (身份證號碼: 561101-06-5648)**

茲遵照鵝嘜土地局于 21/9//2023 所發出之諭令, 下列物業將于 **26/10/2023, 星期四, 10.00 A.M.** 由該土地局及拍賣師協助下, 在鵝嘜土地局, Bilik Mesyuarat Bukit Lagong, Tingkat 2, Unit Pendaftaran 2, Bangunan Sultan Sulaiman, Persiaran Pegawai, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan. 舉行公開拍賣.

備注: 欲投標者須拍賣前向土地局查詢有關物業資料.

地契: GM 6570 (前稱 HSM 3787), 地段: Lot 115 Section 18 (前稱 PT 5619), 市/區/州: 萬撓/ 鵝嘜/ 雪蘭莪, 期限: 永久, 面積: 385.00 平方米 (約 4,144.10 平方英尺), 年稅: RM126.00, 註冊業主: HALIPAH BINTI MOHAMED (1/1 份), 用途: 建築物, 優先條件: 住宅建築, 利益限制: 無, 負債: 抵押于 MINISTER OF FINANCE (INCORPORATED) MALAYSIA 之提呈號 2247/2007, 于 8/5/2007.

該物業為已擴建和裝修雙層洋房. 地址 **No. 171, Lorong Hijau 4, Taman Hijau, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.**

該物業將按照保留價 **RM800,000.00** 及其它拍賣條件下出售. 欲投標者須在拍賣前 **9.30 am** 以銀行匯票抬頭 **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** 事先寄存保留價之**10%**, 余額在 **(120)** 天內付清 **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM.**

欲知詳情, 請聯絡**雪蘭莪, 鵝嘜土地局,** Tel: 03-61261500 / Fax: 03-61361073 或律師 **MESSRS. AZHAR & WONG**, 在 16-08, Level 16, Menara Centara, 360 Jalan Tunku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur. (Ref: *Please advise*) Tel: 03-26023898.

(本文為翻譯版本, 一切均以馬來文為準)

## ஏல விற்பனை பிரகடனம்

**விற்பனை உத்தரவு PTDG.15/26/2022 (42)**

லெம்பாகா பெம்பியாஹான் பெருமாஹான் செக்தோர் அவாம் — சாட்டுபவர்

காலன்சென்றவரின் பிரதிநிதி ஹலிபா பின்தி மொஹமட் (அ.கா.எண். 720105-01-5061) — சாட்டப்படுபவர்

இந்த பிரகடனத்தின் மூலம் கோம்பாக் மாவட்ட நில அதிகாரி தெரிவித்துகொள்வது என்னவெனில் கடன் உடன்பாடு விஷயமாக கடந்த 21.09.2023 புதுப்பித்த உத்தரவை நிறைவேற்றுவதற்காக கீழ்காணும் ஏலதிபரின் உதவியோடு கீழே குறிப்பிடப்பட்டுள்ள சொத்தானது வருகின்ற :-

**26.10.2023 (THURSDAY) 10.00A.M.**
கோம்பாக் நில மாவட்ட அதிகாரி
பகுனான் கல்தான் கலைமான்
KM 16 ஜாலான் ரவாங், பெர்சியாரான் பெகாவாய்,
68100 பண்டார் பாரு செலாயாங் & சிலாங்கூர்.
ஓர் இரண்டுமாடி வீடு பகிரங்கமாக ஏலங்கூறி விற்கப்படும்.

இச்சொத்தின் முகவரி : எண்.171, லோரோ ஹிஜாவ் 4, தாமான் ஹிஜாவ், 48000 ரவாங் & சிலாங்கூர்.

இச்சொத்தின் விவரங்கள் வருமாறு. மொத்த பட்டா விவரங்கள் : ஜிஎம் 6570, லோட் 115, ரவாங், கோம்பாக் மாவட்டம் & சிலாங்கூர். தரை அளவு : 385 சதுர மீட்டர். ஒதுக்குரிமை விலை : RM800,000.00

இச்சொத்தை வாங்க விரும்புவோர் இதன் ஒதுக்குரிமை விலையில் 10% லெம்பாகா பெம்பியாஹான் பெருமாஹான் செக்தோர் அவாம் என்ற பெயரில் வங்கிக்காசோலை எடுத்து ஏலம் நடைபெறும் நாள் காலை 9.30 மணிக்கு முன்னர் முன்பணமாக செலுத்துவதுடன் மீதத்தொகையை இதன் விற்பனை தேதியிலிருந்து 120 நாள் தவணைக்குள் செலுத்தவேண்டும்.

மேல் விவரங்களுக்கு தயவு செய்து மெஸ்ஸஸ் அஷஹார் & வோங், 16-08, 16-வது மாடி., மெனாரா செந்தாரா, எண்.360, ஜாலான் துவன்கு அப்துல் ரஹ்மான், 50100 கோலாலம்பூர். (REF: -) தொலைப்பேசி 03 : 2602 3898 மூலம் தொடர்பு கொள்ளவும்.